



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 04/11

MAJLIS PENGHANTARAN KUMPULAN KEDUA
MALAYSIAN BATTALION 850-11 KE LUBNAN

1. SUBANG, 7 November 2023 – Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Adly bin Zahari telah menyempurnakan Majlis Penghantaran Kumpulan Kedua MALBATT 850-11. Majlis tersebut diadakan pada 7 November 2023, jam 3.30 petang bertempat di Cabang Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang.
2. MALBATT 850-11 telah menjalani latihan khusus selama 3 bulan yang merangkumi sebulan latihan perkhidmatan tunggal dan 2 bulan latihan integrasi atau *Force Integration Training* (FIT) di bawah kawal selia Markas Angkatan Bersama bertempat di MALBATT Village, Port Dickson, Negeri Sembilan. MALBATT 850-11 telah bersedia untuk diaturgerakkan ke Lubnan bagi menggantikan MALBATT 850-10 yang akan menamatkan misi *United Nations Interim Force In Lebanon* (UNIFIL) setelah berkhidmat 12 bulan.
3. Penghantaran Kumpulan Kedua ini melibatkan seramai 216 orang dan diketuai oleh Timbalan Komander MALBATT 850-11, Leftenan Kolonel Zainol bin Abdul Samad bersama 16 Pegawai dan 200 anggota lain-lain pangkat. MALBATT 850-11 akan meneruskan misi UNIFIL di bawah kawalan operasi Markas Sektor Barat UNIFIL. MALBATT 850-11 akan ditempatkan di 2 penempatan tetap iaitu Kem Ma'rakah serta Kem Tibnin dan akan melaksanakan tugas-tugas operasi yang diberikan oleh UNIFIL khususnya di kawasan tanggungjawab yang ditetapkan. MALBATT 850-11 berkekuatan seramai 854 anggota terdiri dari 82 pegawai dan 772 anggota lain-lain pangkat (LLP) termasuk 3 pegawai dan 27 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang Pegawai Awam Kewangan dari Kementerian Pertahanan. MALBATT 850-11 ini juga melibatkan seramai 85 pegawai dan anggota wanita.
4. MALBATT 850-11 diaturgerakkan secara berperingkat dengan 4 kali penerbangan menggunakan pesawat Air Asia. Penghantaran Kumpulan Pertama MALBATT 850-11 telah dilaksanakan pada 2 November 2023 yang lalu, Kumpulan Ke-3 pada 12 November 2023 dan penghantaran Kumpulan Ke-4 pada 16 November 2023.
5. Majlis penghantaran Kontijen MALBATT 850-11 turut dihadiri ahli keluarga pegawai dan anggota yang terlibat. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM, Panglima Operasi Udara, Leftenan Jeneral Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM, wakil Kedutaan Brunei Darussalam dan Pegawai-pegawai Kanan ATM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 7 November 2023